

# Polis diminta atasi jenayah kongsi gelap

UM 13 JUN 2002

SHAH ALAM 12 Jun — Kerajaan Selangor memberi tempoh dua bulan kepada polis untuk menyelesaikan masalah jenayah kekerasan yang semakin menjadi-jadi dilakukan oleh kumpulan samseng dan kongsi gelap di Klang, Petaling Jaya dan Kajang.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, keutamaan bagi mengatasi masalah tersebut ialah di Klang kerana daerah itu mempunyai paling banyak kumpulan samseng iaitu kira-kira 20 kumpulan yang mempunyai lebih daripada 400 orang ahli.

"Sekiranya operasi tersebut berjaya, ia akan dikembangkan ke Petaling Jaya dan Kajang yang mempunyai beberapa lagi kumpulan samseng supaya kegiatan mereka dapat terus dilumpuhkan," katanya.

Beliau menyatakan de-

mikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Dr. Mohamad Khir berkata, kerajaan negeri juga mahu supaya polis menggunakan Akta Kediaman Terhad, Tindakan Buang Daerah dan Perintah Darurat ke atas mereka yang terlibat dengan masalah gangsterisme.

Bagaimanapun katanya, tindakan buang daerah tidak lagi relevan dilaksanakan di Selangor kerana seluruh kawasan Selangor sudah membangun.

"Kalau boleh kita mahu para penjenayah ini dibuang ke negeri lain terutamanya ke Kelantan dan Terengganu kerana kerajaan negeri terbabit mendakwa mempunyai tarbiah yang paling baik," jelasnya.

Beliau menambah, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada mesyuarat Majlis Keselamatan

Negeri semalam, pihak polis menyatakan bahawa mereka memerlukan anggota yang lebih untuk mengatasi masalah tersebut.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri meminta Kementerian Dalam Negeri supaya segera menambah jumlah anggota polis di Klang bagi memastikan matlamat itu tercapai.

## Bertindak ganas

Katanya, setakat ini kerajaan negeri memang berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh polis bagaimanapun sejak akhir-akhir ini kumpulan-kumpulan samseng tersebut semakin berani bertindak ganas.

"Malah baru-baru ini berlaku satu lagi kejadian kumpulan samseng menetak empat orang awam dengan menggunakan parang di Kampung Pandamaran, Klang yang hanya berpunca daripada sedikit salah faham," katanya.

Katanya lagi, sebagai langkah jangka panjang untuk menangani masalah gangsterisme kerajaan negeri mahu menggalakkan para pelajar sekolah utamanya dari kaum India dan Cina menyertai pasukan beragam seperti kadet polis dan bomba.

Selain itu, kata beliau, satu mesyuarat khas yang melibatkan para pemimpin yang mewakili kaum India dan Cina akan diadakan pada minggu depan bagi membincangkan masalah tersebut.

Selepas itu katanya, kerajaan negeri bersama para pemimpin politik yang mewakili semua kaum akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mendapatkan nasihatnya untuk menangani masalah berkenaan.